



**SYARAT-SYARAT & PROSEDUR MENJADI CALON
PILIHANRAYA KAMPUS SESI 2025/2026
JAWATANKUASA PERWAKILAN PELAJAR (JPP)**

1. Berikut merupakan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh setiap calon Pilihanraya Kampus PNS Sesi 2025/2026.
 - i. Pelajar yang **berstatus aktif** sesi semasa Sesi II : 2024/2025 dan berada di kampus sejourus diumumkan menang bertanding.
 - ii. Pelajar mestilah **telah menduduki peperiksaan pertama di Politeknik** dan mempunyai slip keputusan peperiksaan (pelajar semester 2 hingga 4 sahaja).
 - iii. Pelajar mestilah memperoleh keputusan peperiksaan dengan Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM) terkini (iaitu Sesi I : 2024/2025 yang lalu) **tidak kurang daripada 2.75**.
 - iv. Pelajar mestilah mempunyai baki tempoh pengajian sekurang-kurangnya setahun atau dua semester berdasarkan tempoh pengajian minimum bagi program pengajian yang diikutinya, tidak termasuk Latihan Industri (pelajar semester 5 dan ke atas adalah **TIDAK LAYAK** menjadi calon).
 - v. Pelajar mestilah tidak pernah didapati bersalah atas suatu kesalahan tata tertib oleh pihak berkuasa tata tertib institusi (perbicaraan mahkamah atau prosiding PNS).
 - vi. Mana-mana pelajar yang prosiding tata tertib terhadapnya masih belum selesai adalah **TIDAK LAYAK** menjadi calon.
 - vii. Keutamaan calon adalah kepada pelajar yang **berpengalaman dalam kepimpinan** contohnya pernah menyertai organisasi pelajar/kelab/persatuan. Selain itu pelajar juga perlu mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang dan sahsiah diri yang baik.

2. Berikut merupakan prosedur-prosedur penamaan calon yang perlu dipatuhi oleh setiap calon Pilihanraya Kampus PNS Sesi 2025/2026.

- i. Seorang pelajar hanya layak menjadi calon bagi satu kerusi yang dipertandingkan sahaja.
- ii. Calon Jabatan mestilah terdiri daripada pelajar jabatan itu sendiri.
- iii. Setiap calon mestilah mempunyai seorang pencadang dan seorang penyokong.
- iv. Semua calon perlu mengisi Borang Penamaan Calon yang boleh didapati di laman sesawang PNS, menyediakan satu (1) salinan gambar (*saiz passport*), resume dan salinan sijil-sijil kokurikulum pelajar (termasuk sijil ketika sekolah menengah) untuk dilampirkan bersama Borang Penamaan Calon.
- v. Percanggahan maklumat yang dikemukakan dalam Borang Penamaan Calon boleh mengakibatkan penamaan calon pelajar tersebut terbatal.
- vi. Pada hari Pengumuman Calon Layak Bertanding, mana-mana calon yang ingin menarik diri perlulah mengisi Borang Penarikan Diri Percalonan.
- vii. Sekiranya selepas Pengumuman Calon Layak Bertanding diumumkan, didapati jumlah calon bagi satu-satu kerusi adalah sama dengan kerusi yang dipertandingkan, atau, sekiranya bilangan calon kurang dari jumlah kerusi yang dipertandingkan maka Pengurus Pilihanraya Kampus akan mengisytiharkan calon-calon berkenaan menang tanpa bertanding dan perlu mengisi Borang Pengisytiharan Menang Tanpa Bertanding.
- viii. Sekiranya jumlah calon melebihi jumlah kerusi yang dipertandingkan, maka Pengurus Pilihanraya Kampus akan mengumumkan pilihanraya akan dijalankan mengikut Notis Pilihanraya Kampus yang telah ditetapkan.

Sebarang kekeliruan berkenaan syarat-syarat dan prosedur penamaan calon bolehlah berhubung terus dengan pihak Sekretariat Pilihanraya Kampus PNS Sesi 2025/2026 di Jabatan Hal Ehwal Pelajar.